

# Zon pertanian khusus akan dilaksanakan

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Kerajaan dijangka melaksanakan rancangan zon-zon kawasan pertanian untuk mengkhususkan jenis tanaman yang sesuai di sesuatu tempat tertentu di negara ini.

Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman memberitahu Dewan Rakyat sewaktu mengulung perbahasan peruntukan kementerianannya tahun depan, panduan bagi setiap jenis tanaman serta kemudahan perkhidmatan yang berkaitan di kawasan tertentu akan disediakan.

"Perkhidmatan ini termasuklah subsidi input yang akan disalurkan

secara bersepadu dan perkhidmatan yang merangkumi peringkat pengeluaran hingga ke bidang pemasaran," katanya.

Di samping itu, Datuk Manan berkata, usaha pengembangan pertanian menerusi sistem 2L — latihan dan latihan — menerusi penerahan juruteknik pertanian terlatih ke desa-desa, dijangka dilaksanakan di seluruh negara awal 1983.

Sistem yang mula diperkenalkan sejak 1979 itu melibatkan usaha juruteknik pertanian untuk melawat petani dan memberi tunjuk ajar seawajarnya.

Datuk Manan berpendapat, usaha memin-dahkan teknologi baru



Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

## ■ DATUK MANAN

dalam pertanian, mengubah sikap serta pandangan petani terhadap pemodenan dan membolehkan petani menyesuaikan diri dengan teknologi baru, akan berjaya menerusi sistem 2L ini.

"Pada hemat saya, pemindahan teknologi saja belum dapat menyelesaikan masalah memodenkan petani kita.

"Di sini, soal penyesuaian adalah penting. Dan penyesuaian yang dimaksudkan ialah penyesuaian untuk mengguna segala teknologi dan pengetahuan moden oleh petani-petani," tambahnya.